

BAB KEDUA

BAB KEDUA

KEFAHAMAN NAHDHATUL ULAMA DAN MUHAMMADIYAH DI PROVINSI LAMPUNG TERHADAP PEMBAHAGIAN AL-SUNNAH

2.1. Provinsi Lampung Secara Umum.

Provinsi Lampung adalah sebuah provinsi yang berada di selatan bahagian Pulau Sumatera yang telah memisahkan diri pada tahun 1964 dari Provinsi Sumatera Bahagian Selatan, adapun luasnya ialah 3.528.835 Ha terletak pada garis peta bumi: timur-barat di antara 105° 45' serta 103° 48' bujur timur; utara selatan di antara 3° dan 45' dengan 6° dan 45' lintang selatan. Daerah ini di sebelah barat bersempadan dengan Selat Sunda dan di sebelah timur dengan Laut Jawa. Beberapa pulau termasuk dalam wilayah Provinsi Lampung, yang sebagian besar terletak di Teluk Lampung, di antaranya: Pulau Darot, Pulau Legundi, Pulau Tegal, Pulau Sebuku, Pulau Ketagian, Pulau Sebesi, Pulau Poahawang, Pulau Krakatau, Pulau Putus, dan Pulau Tabuan. Ada juga Pulau Tampang dan Pulau Pisang yang masuk ke wilayah Kabupaten Lampung Barat.¹

Keadaan alam di Provinsi Lampung, di bahagian barat dan selatan, di sepanjang pantai merupakan daerah yang berbukit-bukit sebagai sambungan dari jalur Bukit Barisan di Pulau Sumatera. Di tengah-tengah merupakan dataran rendah. Sedangkan ke dekat pantai di bahagian timur, di sepanjang tepi Laut Jawa terus ke utara, merupakan perairan yang luas.

¹ Lampung Dalam Angka 2006, h. 3-4

Secara geografis Provinsi Lampung bersempadan dengan batas-batas wilayah provinsi lainnya sebagai berikut:

1. Di sebelah Utara dengan Propinsi Sumatera Selatan dan Bengkulu
2. Di sebelah Selatan dengan Selat Sunda
3. Di sebelah Timur dengan Laut Jawa
4. Di sebelah Barat dengan Samudra Indonesia

Pada tahun 1999 wilayah propinsi Lampung dipecahkan menjadi 7 kabupaten/kota, kemudian dengan digubalnya undang-undang(UU) No.12 Tahun 1999 maka provinsi Lampung dipecahkan lagi menjadi 10 kabupaten/kota. Adapun luas wilayah Provinsi Lampung adalah 3.528.835 Ha, dengan luas wilayah masing-masing kabupaten/kota adalah sebagaimana terdapat dalam jadual di bawah ini

Jadual 2.1.2 luas wilayah kabupaten/kota di Provinsi Lampung

No	Kabupaten/Kota	Luas Wilayah
1	Lampung Barat	495.040 Ha
2	Tanggamus	335.661 Ha
3	Lampung Selatan	318.078 Ha
4	Lampung Timur	433.789 Ha
5	Lampung Tengah	478.982 Ha
6	Lampung Utara	272.563 Ha
7	Way Kanan	392.163 Ha
8	Tulang bawang	777.084 Ha
9	Bandar Lampung	19.296 Ha
10	Metro	6.179 Ha

Sumber: Badan Pusat Statistik Provinsi Lampung

2.1.1 Keadaan Geografi

Kawasan bahagian barat Provinsi Lampung merupakan daerah pergunungan sebagai rangkaian dari Bukit Barisan. Tercatat tiga buah gunung yang tingginya lebih dari 2000 m dari paras laut, iaitu gunung Pesagi di Kabupaten Lampung Barat dengan ketinggian 2.239 m, gunung Tanggamus dengan tinggi 2.102 m terletak di Kabupaten Tanggamus dan gunung Tangkit Tebak dengan tinggi 2.115 m terletak di Kabupaten Lampung Utara.²

2.1.2. Struktur Penduduk Provinsi Lampung

Penduduk Provinsi Lampung terdiri daripada banyak etnik dan keturunan. Setiap etnik memiliki adat kebiasaan dan bahasa tersendiri. Etnik-etnik yang ada di Provinsi Lampung dapat di Bahagi mejadi dua bahagian iaitu:

(1) Penduduk Asli Lampung

Penduduk asli Lampung dalam bentuknya yang asli memiliki struktur hukum adat tersendiri. Bentuk masyarakat hukum adat tersebut berbeza antara kelompok masyarakat yang satu dengan yang lainnya, kelompok-kelompok tersebut menyebar dipelbagai tempat di daerah Lampung.

Secara umum penduduk asli Lampung dapat dibezakan dalam dua kelompok besar, yang pertama iaitu masyarakat adat Peminggir yang berkediaman di sepanjang pesisir termasuk adat Krui, Ranau Komerling, sampai Kayu Agung, dan yang kedua iaitu

² *Ibid*

masyarakat adat Pepadun yang berkediaman di daerah pedalaman Lampung terdiri dari masyarakat adat Abung (Abung Siwo Migo), Pubian (Pubian Telu Suku), Menggala, Tulang Bawang (Migo Pak) dan Buai Lima.³

Selain itu, mereka juga mempunyai bahasa daerah tersendiri yang dinamakan Bahasa Lampung. secara garis besar, bahasa Lampung dibagi menjadi dua dialek yaitu dialek A dan O. Bahasa Lampung dialek A banyak digunakan oleh etnik Lampung yang bermukim di Lampung Selatan, Lampung Barat, Lampung Timur, Tanggamus, dan Way Kanan.

Sedangkan bahasa Lampung dialek O, adalah bahasa Lampung yang digunakan di daerah Lampung Utara, Tulang Bawang, dan Lampung Tengah.⁴

(2) Penduduk Pendetang Dari Provinsi Lain

Penduduk pendatang yang berada di provinsi Lampung diantaranya adalah daripada etnik Jawa, Sunda, Palembang, Semendo, Ogan, Minang, Bugis, Bali, Banten dan selainnya. Adapun etnik asli Lampung sekarang tinggal 15%, dan selebihnya didominasi oleh etnik Jawa, etnik Sunda, etnik Bali dan selainnya sebanyak 85%.⁵

2. 1. 3 Sejarah Singkat Islam di Provinsi Lampung

Provinsi Lampung berdiri pada tanggal 18 Mac 1964 dengan ditetapkannya Peraturan Pemerintah Nomor 3/1964 yang kemudian menjadi Undang-undang Nomor 14

³ *Ibid*, h. liv

⁴ *Ibid*

⁵ *Ibid*

tahun 1964. Sebelum itu Provinsi Lampung merupakan Karesidenan yang tergabung dengan Provinsi Sumatera Selatan. Kendatipun Provinsi Lampung sebelum tanggal 18 maret 1964 tersebut secara administratif masih merupakan bagian dari Provinsi Sumatera Selatan, namun daerah ini jauh sebelum Indonesia merdeka memang telah menunjukkan potensi yang sangat besar serta corak warna kebudayaan tersendiri yang dapat menambah khasanah adat budaya di Nusantara yang tercinta ini. Oleh karena itu pada zaman VOC (Verenigde Oostindische Compagnie) daerah Lampung tidak terlepas dari incaran penjajahan Belanda.⁶

2.1.3.1. Sejarah kemasukan Islam ke Provinsi Lampung

Sejauh ini menyangkut sejarah kedatangan Islam ke Indonesia, terdapat diskusi dan perdebatan yang panjang dalam kalangan sarjana Islam mahupun Barat. fokus permasalahan yang menjadi polemik di antara mereka mengenai tiga permasalahan yang pokok iaitu tempat asal mula kedatangan Islam di Nusantara, para pembawanya dan waktu kedatangannya.

Berbagai teori dan pembahasan yang berusaha menjawab ketiga permasalahan itu jelas belum tuntas, bukan hanya kerana kekurangan sumber data yang mendukung suatu teori tertentu, tetapi juga kerana sifat sepihak dari masing-masing teori.

⁶ *Ibid*, h. lxvii

Teori pertama menyatakan bahawa Islam masuk ke Indonesia melalui anak benua India bukan dari Persia mahupun Negara Arab. Kebanyakan yang memegang teori ini adalah para sarjana Barat yang berasal dari pada Negara Belanda.

Sarjana Belanda yang pertama kali mengungkapkan tentang teori ini adalah Pijnappel seorang ahli sejarah dari Universiti Leiden di Belanda. Menurutnya asal mula Islam di Nusantara adalah dari Gujarat dan Malabar dengan alasan bahawa kesamaan mazhab antara keduanya iaitu mazhab al-Syāfi'ī. dan menurutnya pula orang-orang arab yang bermigrasi dan menetap di wilayah India tersebut yang kemudian membawa Islam ke Nusantara.

Demikian pula pendapat orientalis Snouck Horgronje, menurutnya” setelah Islam kuat di beberapa kota di pelabuhan anak benua India, mereka datang ke Nusantara sebagai pedagang dan penyebar agama Islam.⁷

Tetapi teori ini kemudian dibantah oleh sarjana Belanda lainnya iaitu Morison dengan berhujjah bahawa pada masa Islamisasi Samudra Pasai yang Raja pertamanya wafat pada tahun 698 H atau 1298 M, Gujarat masih merupakan kerajaan Hindu, setelah itu setahun kemudian iaitu 699 H atau 1299 M Cambay dan Gujarat dapat ditaklukkan oleh penguasa Muslim.⁸

Teori kedua menyatakan bahawa Islam datang ke Nusantara langsung dari tanah Arab terjadi pada abad ke 7 M atau pada abad pertama Hijriah. Teori ini didukung oleh

⁷ Azyumardi Azra (1995) *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad 17 dan 18*, Bandung: Mizan, c. 2, h. 26

⁸ *Ibid*

sebahagian besar peserta seminar yang diadakan di Kota Medan pada tahun 1969 dan 1978 di Banda Aceh. Teori ini mengatakan bahawa kedatangan Islam ke Nusantara bukan pada abad ke 12 atau pun ke 13 M, tetapi terjadi pada mula-mula abad pertama Hijriah atau abad ke 7 M.⁹ adapun para sarjana yang terdapat memegang dan membelah pendapat ini ialah Buya HAMKA dan Naguib al-Attas dengan salah satu asumsinya ialah sebelum abad ke 17 semua literatur keagamaan Islam yang relevan, tidak mencatat satupun sama ada nama pengarang Muslim dari India mahupun karya tulis yang berasal dari India¹⁰. bahkan, terdapat surat menyurat antara Khalifah ‘Umar bin Abd al-Aziz dan Srindravarman Raja daripada kerajaan Sriwijaya yang sampai kini masih tersimpan di Muzium di Madrid Sepanyol. ‘Umar bin Abdul Aziz diangkat menjadi Khalifah pada tahun 717 M atau 120 H dan Raja Srindravarman sendiri berjaya diislamkan.¹¹

Teori ketiga, adalah teori Persia. Tanah Persia disebut-sebut sebagai tempat awal Islam datang di Nusantara. Teori ini berdasarkan kesamaan budaya yang dimiliki oleh beberapa kelompok masyarakat Islam dengan penduduk Persia, misalnya sahaja tentang peringatan 10 Muharam yang dijadikan sebagai hari peringatan wafatnya Hasan dan Husein, cucu Rasulullah. Selain itu, di beberapa tempat di Sumatera Barat ada pula tradisi Tabut, yang berarti keranda, juga untuk memperingati Hasan dan Husein. Ada pula pendukung lain dari teori ini yakni beberapa serapan bahasa yang diyakini datang dari Iran. Misalnya jabar dari zabar, jer dari ze-er dan beberapa yang lainnya. Teori ini meyakini

⁹ *Ibid.* h. 28

¹⁰ *Ibid.* h. 31

¹¹ Abdul Halim Basha (t.t) *Wali Songo dengan Perkembangan Islam di Nusantara.*, Kota Bahru Kelantan: al-Kafilah Enterpraise, h. 80. Tetapi tentang Islamnya Raja Sriwijaya tersebut, Azyumardi Azra meragukannya.

Islam masuk ke wilayah Nusantara pada abad ke-13. Adapun wilayah pertama yang dijamah adalah Samudera Pasai.¹²

Dari teori-teori tersebut dapatlah dibezakan antara teori masuknya Islam ke Nusantara dan teori berkembangnya. Kerana beberapa bukti-bukti sejarah menunjukkan bahawa Islam sudah ada di Nusantara sejak permulaan abad Hijriah atau pada jaman Khalifah Uthmān bin Affān dan dibawa langsung oleh orang-orang Arab. Adapun berkembangnya Islam di Nusantara menurut catatan Idhhar al-Haq terjadi pada abad 3 Hijriah atau 225 H, bertepatan dengan abad ke 8 M. Islamisasi ini terjadi secara besar-besaran setelah berdirinya kerajaan Islam pertama di Nusantara iaitu kerajaan Islam Perlak¹³ yang ditubukan oleh Sayyid Abdul Azīz yang kemudian menjadi Raja pertama bagi kerajaan tersebut dengan gelaran Sulthan Alaidin Sayyid Maulana Abdul Aziz Syah¹⁴

Adapun datangnya Islam di Provinsi Lampung menurut Fauzan S diperkirakan pada abad ke 14 M¹⁵ dan menurut teori, masuknya Islam ke Provinsi Lampung melalui dua penjuror iaitu:

1. Dari Utara :

Islam datang ke Lampung dari daerah Padang Sumatera Barat dan Palembang Sumatera Selatan. Pada abad yang lalu berdiri satu kerajaan Islam di Padang bernama Pagar Ujung, kerajaan ini sangat berperanan dalam penyebaran agama Islam khususnya di

¹² Majalah Islam Sabili.”*Risalah Islam Nusantara*” h. 9, Edisi Khusus, No: 9, th. 10,2003

¹³ A. Hasyimi (1989), *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*. PT al-Ma’arif, c. 2, h. 196

¹⁴ *Ibid*, h. 146-147

¹⁵ Fauzan. S (1978) *Sejarah perjuangan Muhammadiyah Wilayah Lampung* (skripsi sarjana muda Fakultas Da’wah Institut Agama Islam Negeri Sunan Kali Jaga Jokjakarta 1978), h. 21

Sumatera. Pada saat kerajaan Pagar Uyung mengalami keruntuhan banyak penduduk dan pemuka agama yang mengembara keseluruh Sumatera termasuk salah satu tempatnya adalah daerah Lampung, yang melalui dataran tinggi balik bukit Sekala Berak Liwa yang dapat menundukan Ratu Lampung Sukarmong yang berkuasa pada waktu itu. Agama Islam yang dari kerajaan Pagar Uyung di bawah pengaruh kerajaan Samudra Pasai yang berpegang dengan dua mazhab iaitu mazhab Mālikī dan Mazhab Syāfi'ī.

Adapun Islam yang datang dari Palembang sangat erat hubungannya dengan Admiral Cheng Ho di masa dinasti Ming di abad ke 15 M. Pada awal tahun 1407M membentuk masyarakat Islam China di Palembang dibawa pimpinan langsung Admiral Cheng Ho. Muballigh dari Palembang masuk ke Lampung melalui daerah Menggala, dan ada yang langsung melalui kerajaan Ratu Darah Putih.

2. Dari Selatan.

Islam datang dari selatan melalui kerajaan Banten dengan terjadinya perkawinan Sultan Gunung Jati dengan salah seorang anak Ratu Bungkok Pugung (Sukadana) ini terjadi ketika Jakarta diduduki oleh Sunan Gunung Jati pada tahun 1526. Berdasarkan keterangan di atas, dapat diperkirakan kapan Islam tersebar luas di daerah Lampung, dengan kahwinnya Ratu Pugung dan Fatahillah yang mempunyai keturunan pahlawan nasional Raden Intan. Muballigh Islam yang paling banyak masuk ke daerah Lampung pada abad 17 dan 18 yang berhasil mengislamkan daerah Lampung secara keseluruhan, akan tetapi dengan masuknya penjajah Belanda yang membawa misi kristien pada awal abad ke 18 telah menghentikan aktiviti da'wah Islamiyah di Lampung terhenti selama setengah abad (dari tahun 1800-1856) kerana terjadinya peperangan yang berketerusan melawan penjajah

Belanda dengan pimpinan tiga generasi keturunan Raden Intan I. Dan setelah tewasnya tiga keturunan Raden Intan yaitu Raden Intan I, Raden Intan II dan Raden Intan III, maka berkuasa penuhlah penjajah Belanda di daerah Lampung pada tahun 1857.¹⁶

2. 1. 4. Kepadatan Dan Jumlah Penduduk

Berasaskan pada hasil bancian Penduduk Provinsi Lampung pada tahun 1961, 1971, 1980, 1990 dan 2000 masing- masing sebesar 1.667.511, 2.775.695, 4.624.785, 6.015.803 dan 6.659.869 orang. Pertumbuhan penduduk pada period 1971 - 1980 adalah seramai 5,77% pertahun dan mengalami penurunan pada period 1980-1990 menjadi seramai 2,67% pertahun. Sedangkan period 1990-2000 sebesar 1.01 persen. Apabila dilihat laju pertumbuhan penduduk Provinsi Lampung merupakan yang tertinggi dibandingkan dengan provinsi lainnya, sama ada pada periode 1971-1980 maupun period 1980-1990. Seperti diketahui secara keseluruhan pertumbuhan penduduk di Indonesia pada period 1990-2000 adalah sebesar 1,49 persen pertahun. Penduduk Provinsi Lampung tahun 2000 sebesar 6.659.869 orang dan purata kepadatan penduduk per Kabupaten/Kota di Provinsi Lampung 189 per Km² pada tahun 2000 berturut-turut adalah Kabupaten Lampung Barat 74, Kabupaten Tanggamus 239, Kabupaten Lampung Selatan 356, Kabupaten Lampung Timur 200, Kabupaten Lampung Tengah 218, Kabupaten Lampung Utara 195, Kabupaten Way Kanan 91, Kabupaten Tulangbawang 89, dan Kota Bandar Lampung 3.851 orang, Kota Metro 1.917 orang.¹⁷

¹⁶ *Ibid*, h. 21-23

¹⁷ Lampung Dalam Angka 2006, h. LIV

Dengan luas wilayah 3.528.835 Ha ini bermakna secara purata di setiap satu kilometer persegi (Km²) terdapat 189 orang penduduk. Dengan purata penduduk Provinsi Lampung demikian, bermakna Provinsi Lampung merupakan Provinsi yang belum padat dengan penduduk.

Jadual 2.1: Jumlah dan kepadatan penduduk Negeri Lampung menurut Kabupaten

No	Kabupaten/Kota	Luas Wilayah	Jumlah Penduduk	Kepadatan penduduk/Km ²
1	Lampung Barat	495.040 Ha	366.491	74
2	Tanggamus	335.661 Ha	802.455	239
3	Lampung Selatan	318.078 Ha	1.133.180	356
4	Lampung Timur	433.789 Ha	869.431	200
5	Lampung Tengah	478.982 Ha	1.046.182	218
6	Lampung Utara	272.563 Ha	531.138	195
7	Way Kanan	392.163 Ha	357.604	91
8	Tulang bawang	777.084 Ha	691.822	89
9	Bandar Lampung	19.296 Ha	743.109	3.851
10	Metro	6.179 Ha	118.457	1.917
11	Jumlah	3.528.835	6.659.869	189

Sumber: Badan Pusat Statistik Provinsi Lampung

2. 1. 5. Penduduk Dari Segi Jantina

Jumlah penduduk lelaki di Provinsi Lampung pada tahun 2004 dan 2005 adalah 3.563.313 dan 3.596.432 orang iaitu sebanyak 49.02% dari jumlah keseluruhan jumlah penduduk. Manakala penduduk perempuan pada tahun yang sama berjumlah 3.352.637 dan 3.387.267 orang. Ini bererti jumlah penduduk perempuan lebih sedikit daripada jumlah penduduk lelaki. Di bawah ini jadual penduduk Provinsi Lampung dari segi jantina.

Jadual 2. 1. 2. 3. Penduduk Lampung dari segi jantina

Tahun	lelaki	perempuan	jumlah	Sex Ratio
2004	3.563.313	3.352.637	6.915.950	106,28
2005	3.596.432	3.387.267	6.983.699	106,18

Sumber: Badan Pusat Statistik Provinsi Lampung

2. 1. 6. Penduduk Dari Segi Agama

Majoriti penduduk di Provinsi Lampung memeluk agama Islam iaitu 92% dari jumlah penduduk. Selain daripada itu, yang menganut Kristian Protestan 1,8%, Kristian Katolik 1,8%, Budha (1,7%) dan selainnya sebanyak 2,7%.¹⁸ Ini dapat dilihat pada jadual di bawah ini.

Jadual: 5.4.5 Banyaknya Umat Beragama menurut Kabupaten/Kota di Provinsi Lampung Tahun 2001 - 2005

No	Kabupaten / Kota	Islam	Katholik	Kristen	Hindu	Budha
1	Kabupaten Lampung Barat	353.563	5.799	1.054	1.833	2.779
2	Kabupaten Tanggamus	654.936	13.570	4.540	4.959	9.370
3	Kabupaten Lampung Selatan	1.055.901	16.246	16.150	54.098	19.432
4	Kabupaten Lampung Timur	873.748	10.943	6.772	37.226	25.759
5	Kabupaten Lampung Tengah	983.507	18.952	32.740	60.351	12.131
6	Kabupaten Lampung Utara	526.478	12.028	24.681	6.201	4.835
7	Kabupaten Way Kanan	380.322	4.777	3.532	/ 10.446	1.990
8	Kabupaten Tulang Bawang	755.959	15.674	11.237	20.149	12.258
9	Kota Bandar Lampung	631.801	11.962	26.321	2.048	26.864
10	Kota Metro	115.302	7.784	1.568	684	1.768

Sumber: Kantor Wilayah Departemen Agama Provinsi Lampung

¹⁸ <http://id.wikipedia.org/wiki/Lampung> . 12 ogost 2007

2. 1. 7. Taraf pendidikan

Salah satu tujuan dan tugas pemerintah sesuai dengan Undang-undang Dasar 1945 adalah usaha memajukan bidang pendidikan. Sejauh mana keberhasilan pemerintah dalam usaha tersebut dapat dilihat dari tiga perkara, iaitu bangunan sekolah, kurikulum dan guru dalam tahun 2005/2006, terdapat 6061 sekolah rendah dan menengah sama ada sekolah milik pemerintah ataupun sekolah milik swasta. Secara keseluruhannya, sekolah-sekolah tersebut telah menampung pelajar seramai 1.434.696 orang dan guru seramai 77.672 orang. Untuk lebih terperinci sila lihat jadual 5.4.6 di bawah ini.

Jadual 5.4.6: bilangan sekolah rendah, menengah, pelajar dan guru di Provinsi Lampung.

Status	SD(UPSR)	SLTP (SPM)	SLTA(STPM)	Jumlah
Bil. Sekolah	4.555	949	557	6061
Bil. Pelajar	951.007	309.229	174.460	1.434.696
Bil. Guru	41.380	22.766	13.526	77.672
Jumlah	996.942	332.944	188.543	1.518.429

Sumber: Lampung dalam angka

2.2 Nahdlatul Ulama

2. 2. 1. Sejarah singkat organisasi Nahdlatul Ulama.

Keterbelakangan baik secara mental, maupun ekonomi yang dialami bangsa Indonesia, akibat penjajahan maupun akibat kuongkongannya tradisi, telah menggugah kesadaran kaum terpelajar untuk memperjuangkan martabat bangsa ini, melalui jalan pendidikan dan organisasi. Gerakan yang muncul 1908 tersebut dikenal dengan "Kebangkitan Nasional". Semangat kebangkitan memang terus menyebar ke mana-mana

setelah rakyat pribumi sadar terhadap penderitaan dan ketertinggalannya dengan bangsa lain. Sebagai jawabannya, muncullah pelbagai organisasi pendidikan dan pembebasan.

Kalangan pesantren yang selama ini gigih melawan penjajahan bangsa asing, merespon kebangkitan nasional tersebut dengan membentuk organisasi pergerakan, seperti *Nahdlatul Wathan* (Kebangkitan Tanah Air) pada 1916. Kemudian pada tahun 1918 ditubuhkan *Taswirul Afkar* atau dikenal juga dengan "*Nahdlatul Fikri*" (kebangkitan pemikiran), sebagai wahana pendidikan sosial politik kaum dan keagamaan kaum santri. Dari situ kemudian didirikan *Nahdlatul Tujjar*, (pergerakan kaum saudagar). Syarikat itu dijadikan asas untuk memperbaiki perekonomian rakyat. Dengan adanya *Nahdlatul Tujjar* itu, maka *Taswirul Afkar*, selain tampil sebagai kumpulan kajian juga menjadi lembaga pendidikan yang berkembang sangat pesat dan memiliki cawangan di beberapa kota.

Tentang asal mula pendirian pertubuhan Nahdhatul Ulama, perlu dirujuk apa yang ditulis oleh Deliar Noer. Menurutnya, penghapusan kekhalifahan di Turki menimbulkan kebingungan pada dunia Islam pada umumnya, yang mulai berfikir tentang pembentukan suatu khilafah baru. Masyarakat Indonesia bukan hanya berminat dalam masalah ini, malah merasa berkewajiban memperbincangkan dan mencari penyelesaiannya. Kebetulan Mesir bermaksud mengadakan kongres tentang khilafah pada bulan march 1924 M, dan sebagai sambutan atas maksud ini suatu komite khilafat didirikan di Surabaya tarekh 04 Oktober 1924 M, dengan ketua Wondosudirjo yang kemudian dikenal dengan nama Wondoamiseno dari Sarekat Islam, dan wakil ketua Wahab Habullah. Kongres ketiga di Surabaya antara lain memutuskan untuk mengirim sebuah delegasi ke kongres Kaherah Mesir, terdiri dari Surjopranoto daripada Sarekat Islam, Haji Fachruddin daripada Muhammadiyah, serta Wahab Hasbullah daripada kalangan tradisional.

Tetapi kongres di Kaherah ditunda,¹⁹ sedangkan minat orang-orang Islam di Jawa tertarik lagi dengan perkembangan di Hijazz, di mana Raja Ibnu Su'ūd berhasil mengusir Syarif Husein dari Makkah tahun 1924 M. Segera setelah kejadian tersebut, para pemimpin kerajaan Saudi melakukan pembersihan dalam kebiasaan praktek beragama sesuai dengan ajarannya, walaupun ia tidak melarang pelajaran mazhab dalam Masjidil Haram. Tindakannya ini sebahagian mendapat sambutan baik di Indonesia, tetapi sebahagian menolaknya. Tetapi dengan kemenangan Ibnu Su'ūd ini, maka sama ada Makkah mahupun Kaherah berebut kedudukan khalifah.²⁰

Suatu undangan dari Ibnu Su'ūd kepada kaum Islam di Indonesia untuk menghadiri kongres di Makkah dibicarakan di kongres Islam di Jogjakarta (21-27 Agustus 1925 M)

Mengenai Sejarah penubuan NU di Provinsi Lampung mengikut kepada Khoiruddin Tahmid²¹ NU masuk ke Provinsi Lampung mesti melihat kepada sejarah ditubuhkannya Provinsi Lampung itu sendiri. Sebagaimana diketahui bahawa Provinsi Lampung setelah kemerdekaan Indonesia adalah termasuk kedalam wilayah Sumatra bahagian Selatan yang beribu Negeri di Palembang, dan NU pada masa perjuangan kemerdekaan sudah ditubuhkan di Provinsi Sumatera bahagian selatan sejak mu'tamar pertama di Surabaya. Sampai pada tahun 1964 M Provinsi Lampung memisahkan diri daripada Sumatera

¹⁹ Deliar Noer mengutip Bendera Islam, 22 Jan 1925. Konferensi tersebut ditunda oleh kerana peperangan yang masih berkecamuk di Hijjaz, sehingga akan susah bagi Kerajaan Arab ini untuk datang. Lagi pula beberapa Negara Islam lain meminta panitia bersangkutan di Kaherah untuk mendapat berbagai macam keterangan tentang konferensi, dan agar mengirim utusan ke Negara-negara tersebut. di samping itupula Mesir juga sedang menghadapi pilihan raya pada tahun yang sama.

²⁰ Deliar Noer (1985), *Gerakan Moderen Islam di Indonesia 1900-1942*, LP3ES, Jakarta, c. 3, h. 242-243.

²¹ ketua umum Tanfiziyah Nahdhatul Ulama wilayah Lampung

Bahagian selatan dan secara *de facto* NU yang ada di wilayah Lampung pun berdiri pada tahun 1964 dengan diketuai oleh Marhasan.²²

Adapun berapa ramai masyarakat Lampung yang berfahaman NU dan menjadi ahli NU di Provinsi Lampung secara akurat tidak diketahui, kerana NU wilayah Lampung belum pernah mengadakan bancian ahli ataupun mengadakan pendataan secara resmi. Akan tetapi indikator masyarakat Lampung yang berkefahaman dengan NU dapat dilihat daripada pesantren²³ yang terdata oleh pengerus NU Lampung yang saat ini sudah lebih daripada 500 pesantren, dan daripada pesantren-pesantren tersebut hanya ada tiga pesantren sahaja yang bukan di bawah NU. Juga dapat dilihat dari masjid-masjid yang ada di Lampung yang saat ini lebih daripada 5,000 masjid yang sebahagian besar mengamalkan pemahaman NU dalam pelaksanaan ibadah *mahdah*, sehingga dari sini dapat diperkirakan bahawa pengikut NU di Lampung sekitar dua juta lima ratus sampai tiga juta orang lebih.(2,500,000-3,000,000 orang).²⁴ Adapun cawangan-cawangan NU di provinsi Lampung Ada 13 Cawangan di tingkat kabupaten dan 1700 cawangan di tingkat desa.

²² Hasil temu bual dengan Khoruddin Tahmid sebagai ketua umum Tanfiziyah Nahdhatul Ulama wilayah Lampung pada tanggal 27 April 2007 di IAIN Raden Intan Lampung

²³ Pesantren adalah sekolah agama Islam yang dikelola oleh para kiai NU, dan biasanya menyediakan penginapan bagi murid-muridnya. Pesantren pada umumnya mengajarkan cara membaca dan menulis Al-Quran dalam bahasa Arab, menghafal ayat-ayat suci Al-Quran, pelajaran agama Islam lainnya, dan juga ilmu dan pengetahuan umum. Pesantren atau Pondok Pesantren (biasanya juga disebut pondok saja) adalah sekolah Islam berasrama (*Islamic boarding school*). Para pelajar pesantren (disebut sebagai santri) belajar di sekolah ini, sekaligus tinggal pada asrama yang disediakan oleh pesantren. Biasanya pesantren dipimpin oleh seorang kyai. Untuk mengatur kehidupan pondok pesantren, kyai menunjuk seorang santri senior untuk mengatur adik-adik kelasnya, mereka biasanya disebut *Lurah Pondok*. Pendidikan di dalam pesantren bertujuan untuk memperdalam pengetahuan tentang al-Qur'an dan Sunnah Rasul, dengan mempelajari bahasa Arab dan kaidah-kaidah tata bahasa-bahasa Arab. Istilah *Pondok* sendiri berasal dari Bahasa Arab (فندق, *funduq*), sementara istilah *Pesantren* berasal dari kata *pe-santri-an*. (<http://id.wikipedia.org/wiki/Pesantren>)

²⁴ Hasil temu bual dengan Khoruddin Tahmid sebagai ketua umum Tanfiziyah Nahdhatul Ulama wilayah Lampung pada tanggal 27 April 2007 di IAIN Raden Intan Lampung

2.2.2 Pebezaan NU Dan Muhammadiyah

K.H Abrori Akwan²⁵ salah seorang ulamak daripada golongan tua dan bekas pimpinan Syuriah NU Lampung berkata bahawa tidak ada perbezaan yang mendasar antara NU dan Muhammadiyah. Karena mereka sama-sama beriman kepada Allah yang satu, berpegang kepada al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai sumber rujukan utama dalam agama, akan tetapi yang berbeza di antara organisasi (pertubuhan) tersebut adalah pada masalah-masalah *khilafiyah* atau *furuiyyah*, bukan dalam masalah *usuliyah*. Itu semua adalah sesuatu yang menjadi *sunnatullah* yang pasti terjadi.²⁶ Senada dengan beliau adalah apa yang dikatakan oleh ketua NU wilayah Lampung Khoruddin Tahmid bahawa yang berbeza adalah pada masalah-masalah *furuiyyah*, bukan dalam masalah usul agama.²⁷

2. 2. 3. Mazhab Fiqih

Mazhab Fiqh yang dianut oleh NU adalah mazhab Mu'tabarrah di kalangan umat iaitu mazhab Hanāfiyah, Mālikiyah, Syāfi'iyyah dan Hanābilah. Walaupun dalam pengamalan sehari-hari dalam masalah-masalah ubudiyah mazhab imam Syāfi'ī lebih banyak digunakan, tetapi NU memberikan toleransi yang tinggi kepada mazhab lain yang *mu'tabarrah* tersebut untuk digunakan dalam permasalahan-permasalahan khusus, seperti dalam pengamalan ibadah haji²⁸, bahkan dalam praktek pengambilan keputusan sebuah

²⁵ Beliau pernah menjabat sebagai Ro'is Syuriah PWNU Propinsi Lampung (1996 – 2002)- Mustasyar PWNU Propinsi Lampung (2002 – Sekarang)

²⁶ Hasil temu bual dengan KH Abrori Akwan di Rumah Beliau di Gerning 15 maret 2007

²⁷ *Ibid*

²⁸ *Ibid*, temu bual dengan KH Abrori Akwan

hukum ternyata NU tidak hanya menggunakan mazhab empat, tetapi juga mazhab lain dan mengikuti pendapat ulama kontemporer yang tidak masuk dalam kerangka mazhab.²⁹

Tetapi toleransi yang tinggi yang dikatakan oleh Khoiruddin Tahmid belum menjadi suatu yang mengakar di kalangan masyarakat yang ada di pedesaan dan pinggiran kota yang menjadi basis bagi pengikut NU, sehingga masih sering dijumpai di beberapa tempat yang mana para pengikut NU tidak mau melakukan solat pada masjid tertentu dikeranakan perbezaan yang ada seperti yang terjadi di desa Batang Hari Ogan di Lampung Selatan yang mana antara orang-orang NU dan *Salafi*³⁰ tidak mau melakukan ibadah di masjid desa tersebut kecuali imam dari kalangan mereka, yang pada akhirnya orang-orang *salafi* memisahkan diri dan mendirikan Masjid yang baru sekitar duaratus meter daripada Masjid yang pertama.³¹ Hal ini juga terjadi di beberapa daerah lain seperti di Kalianda, sehingga akhirnya dinding pemisah antara NU dan Muhammadiyah serta beberapa jama'ah yang lain semakin lebar dan hal yang sama juga berlaku di beberapa daerah yang terdapat di Lampung Tengah.³²

²⁹ Dr. Ahmad Zahro (2004), *Lajnah Bahtsul Masa'il 1926-1999 Tradisi intelektual NU*. Jogjakarta: LkiS, cet: 1, h. VI.

³⁰ Gerakan Salafi ialah Salaf sendiri artinya adalah para sahabat Rasulullah shallallahu 'alaihi wa sallam dan para pengikut mereka (tabi'in) dengan baik dari penghuni tiga kurun yang dimuliakan dan yang setelah mereka, inilah yang disebut dengan salafi. Bernisbah kepadanya artinya bernisbah kepada apa yang dipegangi oleh para sahabat Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam dan kepada jalan ahlul hadith. Dan ahlul hadith adalah para pengikut manhaj salafi yang berjalan di atasnya. Maka salafi adalah sebuah aqidah dalam masalah nama-nama Allah dan sifat-sifatNya. Juga sebuah aqidah dalam masalah qadar, aqidah dalam masalah shahabat, dan seterusnya. Maka para salaf beriman kepada Allah dan dengan nama-namaNya yang indah dan sifat-sifatNya yang tinggi yang Allah sendiri sifatkan diriNya dengannya dan yang disifatkan oleh RasulNya shallallahu 'alaihi wa sallam.

³¹ Temu bual dengan Salim selaku kepala desa di desa Batang Hari Ogan dan bapak Hj Imron selaku toko agama di desa tersebut pada tarikh 12 April 2007.

³² Temu bual dengan Khoiruddin Tahmid

2. 2. 4. Penerapan *al-Sunnah* di Kalangan NU.

Kedudukan *al-Sunnah* dalam pembinaan hukum Islam dan pengaruhnya dalam kehidupan kaum Muslimin mulai dari masa Nabi s.a.w. para Sahabatnya, *tabi'in*, *tabi'ut tabi'in* sampai zaman sekarang ini dan sampai hari Kiamat merupakan suatu kenyataan yang diterima sebagai kebenaran yang pasti dan tidak perlu dibuktikan lagi serta tidak dapat diragukan. Oleh itu sesiapa yang menela'ah al-Qur'an dan *al-Sunnah*, niscaya akan menemukan besarnya pengaruh *al-Sunnah* dalam pembinaan syariat Islam dan keagungan serta keabadiannya yang tidak mungkin diingkari oleh pakar-pakar yang mengerti masalah ini. Oleh itu, maka Sumber kedua dalam menentukan hukum ialah Sunnah Rasulullah s.a.w. Karena Rasulullah yang paling berhak menjelaskan dan menafsirkan al-Qur'an dan sewajarnya kalau *al-Sunnah* menduduki tempat kedua setelah al-Qur'an dalam menentukan hukum dalam Islam sebagaimana Allah berfirman dalam al-Qur'an :

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya:

Dan kami turunkan kepadamu al-Qur'an agar kamu menerangkan kepada ummat manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka supaya mereka memikirkan

al-Qur'an, surah al-Nahl (16): 44

وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ, إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Maksudnya:

Apa yang diberikan Rasul kepadamu maka ambillah dia, dan apa yang dilarangnya bagimu maka tinggalkanlah dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah sangat keras sikapnya

al-Qur'an, surah al-Hasyr (59): 7

Kedua ayat tersebut di atas jelas bahwa hadis atau *Sunnah* menduduki tempat kedua setelah al-Qur'an dalam menentukan hukum.³³

2. 2. 5. Pandangan Terhadap Pembahagian *al-Sunnah*.

Dikalangan pemuka agama dan pemimpin organisasi NU yang bermazhab Syāfi'ī melihat bahawa *Sunnah* ada yang selalu diamalkan (*mulzim* dan *da'īm*), ada yang semasa dan ada pula yang khusus untuk Nabi s.a.w. sahaja, sebagaimana pengertian *Sunnah* menurut para ulamak yaitu Sesuatu yang bersumber daripada Rasulullah Muahammad s.a.w., sama ada berupa ucapan, perbuatan ataupun persetujuan.³⁴

Tapi dalam penerapan kesehariannya, kefahaman masyarakat Lampung umumnya dan Nahdatul Ulama khususnya belum menunjukkan kepada pemahaman yang sebenar daripada *al-Sunnah* yang di kehendaki oleh para ulamak, mereka memahami *Sunnah* setakat pemahaman yang sesuai dengan istilah fuqaha' (*ahlu al-fiqh*) iaitu semua perkara yang diperintahkan oleh Rasulullah tetapi tidak sampai kepada derajat wajib atau fardu, iaitu dipuji bagi orang yang melakukannya dan tidak dicela orang yang meniggalkannya. Selain daripada itu masalah pembahagian *al-sunnah* kepada *tasyrī'iyah* dan *ghayr tasyrī'iyah* merupakan sesuatu hal yang baru dalam pembahasan para ulamak, sehingga istilah tersebut belum dikenal oleh mereka seketika ini.

³³ <http://www.nu.online>

³⁴ Hasil temubual dengan Khoiruddin Tahmid

2. 2. 6. Pengertian *al-Sunnah* dan *Bid'ah*

Dalam kitab Risalah Ahlussunnah wal Jama'ah karya Hadratusy Syaikh Hasyim Asy'ari, istilah bid'ah ini disandingkan dengan istilah *Sunnah*. Menurut Syaikh Zaruq dalam kitab '*Uddatul Mūrid*, kata bid'ah secara syarak adalah munculnya perkara baru dalam agama yang kemudian mirip dengan bahagian ajaran agama itu, padahal bukan bahagian darinya, baik formal mahupun hakekatnya. Hal tersebut sesuai dengan hadis Rasulullah s.a.w. "Barangsiapa memunculkan perkara baru dalam urusan kami (agama) yang tidak merupakan bahagian dari agama itu, maka perkara tersebut tertolak". Nabi s.a.w. juga bersabda, "Setiap perkara baru adalah bid'ah".

Menurut para ulamak dari kalangan NU, kedua hadis ini tidak berarti bahwa semua perkara yang baru dalam urusan agama tergolong bidah, kerana ada kemungkinan perkara baru dalam urusan agama, namun masih sesuai dengan ruh *syarī'ah* atau salah satu cabangnya (*furu'*).³⁵ maka perkara tersebut menjadi baik.³⁶

Bahkan, banyak ulamak kenamaan yang telah membahagi bid'ah kepada dua bahagian iaitu bid'ah *hasanah* atau *mahmūdah* dan bid'ah *sayyiah* atau *mazmūmah*. Para ulamak yang telah menklasifikasikan bid'ah kepada dua bahagian tersebut adalah ulamak-ulamak yang masyhur. Bahkan diantara mereka ulamak yang telah mencapai derajat *mujtahid muṭlaq*. Adapun di antara ulamak tersebut yang telah membuat klasifikasi tersebut ialah:

³⁵ <http://www.nu.or.id/page.php>

³⁶ KH. A.N. Nuril Huda, *Ketua Lembaga Dakwah Nahdlatul Ulama (LDNU)*. <http://www.nu.or.id/page.php>

Menurut imam Syāfi'ī bid'ah itu ada dua macam, iaitu *mahmudah* dan *mazmūmah*, maka apa yang sesuai dengan *Sunnah* Nabi s.a.w. namanya maka ia *mahmūdah* dan apa sahaja yang tidak sesuai dengan *Sunnah* Nabi s.a.w. maka ia termasuk bid'ah *mazmūmah*.³⁷

Dalam riwayat yang lain beliau berkata:

*“perbuatan yang baru itu ada dua macam: iaitu perbuatan yang baru dalam urusan agama yang menyalahi al-Qur'an, al-Sunnah, athar dan ijma' maka perbuatan tersebut termasuk bid'ah dhalalah (sesat). Adapun perbuatan yang baru dalam urusan agama tetapi baik dan tidak menyalahi sedikitpun dari hal tersebut di atas, maka hal ini termasuk perbuatan bid'ah juga, tetapi bid'ah yang tidak tercelah.”*³⁸

Imam Abū Zakariya Yahya bin Syarāf al-Nawāwi beliau berkata: “bid'ah dilihat dari sisi syariat ialah mengada-adakan sesuatu yang tidak terdapat pada zaman Rasulullah s.a.w. dan ia terbahagi kepada bid'ah *hasanah* dan *qabihah*.³⁹

Imam Abd al-Haq al-Dahlawi berkata: “ketahuilah olehmu bahwasanya setiap apa yang terjadi setelah Rasulullah s.a.w. adalah bid'ah. Setiap bid'ah yang sesuai dengan asas–asas *Sunnah* dan kaedah-kaedahnya atau dapat diqiyaskan kepadanya, maka namanya bid'ah *hasanah*, dan setiap bid'ah yang menyalahinya, maka ia namanya bid'ah *sayyi'ah* dan *dalālah*.⁴⁰

Senada dengan pendapat imam Syāfi'ī, imam Nawāwī, dan al-Dahlawī di atas, ialah pendapat imam Ghazālī⁴¹, Ibnu Athīr al-Jazārī⁴², Izz al-Din bin Abd al-Salām⁴³, Imam Suyuṭī dan ibn Hazm al-Andalusī⁴⁴

³⁷ Ibnu Hajar al-Asqalānī (1998), *Op.cit.*, J. 15, h. 179

³⁸ *Ibid.*

³⁹ Imām Abū Zakariya Yahyā bin Syarāf al-Nawāwī (t.t), *Tahdhīb al-Asmā' wa al-Lughāt*. Teheran: Manthūrah Maktabah al-Islāmī, j. 1, h. 23.

⁴⁰ Sa'īd Hawā (1992), *al-Asās Fī al-Sunnah wa Fiqhuhā*. Saudi Arabiyah: Dār al-Islam. Cet. 2, h. 360

⁴¹ Abū Ḥāmid al-Ghazālī (t.t), *Ihyā' Ulūmid al-Dīn*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, j. 2, h. 3

⁴² Ibnu Athīr al-Jazārī (1403/1983), *Jāmi' al-Usūl Fī Ahādīth al-Rasūl*, Beirut: Dār al-Fikr, cet. 2, j. 1, h. 280-281

⁴³ 'Izuddīn Abd al-'Azīz bin 'Abd al-Salām, (1999), *Op.cit.*, j. 2, h. 133.

Jika kita melihat kajian para ulama salaf tentang ma'fhum bid'ah, maka akan sampai pada suatu kesimpulan, bahwa pembahagian bid'ah adalah suatu keniscayaan. Karena dengan hati orang-orang yang suci dan logika orang-orang yang berakal akan memberi pemahaman yang komprehensif, mendalam dan argumentatif pada hadis "*kullu bid'atin dalālah*".

2. 3. Muhammadiyah

2. 3. 1. Sejarah Singkat Organisasi Muhammadiyah

Muhammadiyah ditubuhkan di Kampung Kauman Yogyakarta, pada tanggal 8 Dzulhijjah 1330 H/18 November 1912 M⁴⁵ oleh seorang yang bernama Muhammad Darwis, kemudian beliau lebih dikenal dengan KH. A. Dahlan. Beliau adalah pegawai kesultanan Kraton Yogyakarta sebagai seorang Khatib dan sebagai pedagang.

Melihat keadaan ummat Islam pada waktu itu dalam keadaan *jumud*, beku dan penuh dengan amalan-amalan yang bersifat mistik, beliau tergerak hatinya untuk mengajak mereka kembali kepada ajaran Islam yang sebenar berdasarkan al-Qur'an dan Hadis. Oleh kerana itu beliau memberikan pengajaran tentang agama di rumahnya di tengah kesibukannya sebagai khatib dan pedagang.

⁴⁴ Sa'id Hawā (1992), *Op.cit*, h. 359

⁴⁵ K.H. AR Fakhruddin (2005), *Mengenal dan menjadi Muhammadiyah*, Malang: Penerbitan Universitas Muhammadiyah Malang.cet. 1, h. 5

Mula-mula ajaran ini ditolak, namun berkat ketekunan dan kesabarannya, akhirnya mendapat sambutan daripada keluarga, saudara mara dan teman dekatnya. Pekerjaannya sebagai pedagang sangat mendukung dakwah beliau, sehingga dalam masa yang tidak lama dakwahnya menyebar ke luar kampung Kauman, bahkan sampai ke luar daerah dan ke luar pulau Jawa. Untuk mengorganisasi kegiatan tersebut maka didirikan Persyarikatan Muhammadiyah. Dan kini Muhammadiyah telah ada diseluruh wilayah negara Indonesia.

Selain memberikan pelajaran dan pengetahuannya kepada kaum lelaki, beliau juga memberi pelajaran kepada kaum Ibu muda dalam forum pengajian yang disebut “*Sidratul Muntaha*”. Pada siang hari pelajaran untuk anak-anak laki-laki dan perempuan. Pada malam hari untuk anak-anak yang telah dewasa. selain memberikan kegiatan pengajian kepada kaum lelaki, pengajian kepada para ibu dan kanak-kanak, beliau juga mendirikan sekolah-sekolah. Semenjak tahun 1913 sampai tahun 1918 beliau telah mendirikan sekolah dasar sejumlah 5 sekolah. 1919 mendirikan Hooqe School Muhammadiyah ialah sekolah lanjutan. Tahun 1921 diganti namanya menjadi Kweek School Muhammadiyah, tahun 1923, dipecah menjadi dua, laki-laki sendiri perempuan sendiri, dan akhirnya pada tahun 1930 namanya dirubah menjadi Mu`allimin dan Mu`allimat.

Selanjutnya Muhammadiyah mendirikan organisasi untuk kaum perempuan dengan Nama 'Aisyiyah yang di sanalah istri daripada KH. A. Dahlan, Nyi Walidah Ahmad Dahlan berperan serta aktif dan sempat juga menjadi pemimpinya.

Adapun kepemimpinan KH. A. Dahlan di Muhammadiyah dari tahun 1912 hingga tahun 1922 dimana masa itu masih menggunakan sistem permusyawaratan rapat tahunan.

Pada rapat tahun ke 11, Pemimpin Muhammadiyah diketuai oleh KH. Ibrahim yang kemudian memimpin Muhammadiyah sampai tahun 1934. Rapat Tahunan itu sendiri kemudian berubah menjadi Kongres Tahunan pada tahun 1926 yang di kemudian hari berubah menjadi Mukhtar tiga tahunan dan seperti saat ini Menjadi Mukhtar 5 tahunan.⁴⁶

Muhammadiyah, sebagai gerakan keagamaan yang berwatak sosio kultural, dalam dinamika kesejarahannya selalu berusaha merespon berbagai perkembangan kehidupan dengan senantiasa merujuk pada ajaran Islam (*al-ruju' ila al-Qur'an wa al-Sunnah al-Maqbūlah*). Di satu sisi sejarah selalu melahirkan berbagai persoalan dan pada sisi yang lain Islam menyediakan referensi normatif atas berbagai persoalan tersebut. Orientasi kepada dimensi *ilahiah* inilah yang membezakan Muhammadiyah dari gerakan sosio kultural lainnya, baik dalam merumuskan masalah, menjelaskannya maupun dalam menyusun kerangka operasional penyelesaiannya. Orientasi inilah yang mengharuskan Muhammadiyah memproduksi pemikiran, meninjau ulang dan merekonstruksi manhajnya.⁴⁷

Muhammadiyah adalah sebuah salah satu organisasi Islam terbesar di Indonesia. Tujuan utama Muhammadiyah adalah mengembalikan seluruh penyimpangan yang terjadi dalam proses dakwah. Penyimpangan ini sering menyebabkan ajaran Islam bercampur-baur dengan kebiasaan di daerah tertentu dengan alasan adaptasi.

⁴⁶ www.muhammadiyah.or.id/index.php

⁴⁷ <http://www.muhammadiyah.or.id/Download-document/9-Manhaj-Tarjih-Muhammadiyah.html>

Gerakan Muhammadiyah berciri semangat membangun tata sosial dan pendidikan masyarakat yang lebih maju dan terdidik. Menampilkan ajaran Islam bukan sekadar agama yang bersifat peribadi dan statis, tetapi dinamis dan berkedudukan sebagai sistem kehidupan manusia dalam segala aspeknya. Akan tetapi, ia juga menampilkan kecenderungan untuk melakukan perbuatan yang ekstrem.

Dalam pembentukannya, Muhammadiyah banyak merefleksikan kepada perintah-perintah al-Quran, di antaranya surat Ali Imran ayat 104 yang berbunyi: *Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang munkar; merekalah orang-orang yang beruntung.* Ayat tersebut, menurut para tokoh Muhammadiyah, mengandung isyarat untuk bergeraknya umat dalam menjalankan dakwah Islam secara teorganisasi, umat yang bergerak, yang juga mengandung penegasan tentang hidup berorganisasi. Maka dalam butir ke-6 Muqaddimah Anggaran Dasar Muhammadiyah dinyatakan, melancarkan amal-usaha dan perjuangan dengan ketertiban organisasi, yang mengandung makna pentingnya organisasi sebagai alat gerakan yang niscaya. Sebagai dampak positif dari organisasi ini, kini telah banyak berdiri rumah sakit, panti asuhan, dan tempat pendidikan di seluruh Indonesia.⁴⁸

2. 3. 2. Mazhab Fiqh

Salah satu gagasan dasar Muhammadiyah adalah klaimnya sebagai gerakan pembaharuan (*tajdid*) yang tidak mau terjebak salah satu mazhab. Mereka yang tidak mau

⁴⁸[http:// id.wikipedia.org/wiki/Muhammadiyah](http://id.wikipedia.org/wiki/Muhammadiyah)

terjebak pada bentuk mazhab kemudian membentuk rumusan metodologi *Manhaj Tarjih*. Metodologi tersebut tentu memiliki seperangkat metod, pendekatan atau kerangka berfikir. Dengan sendirinya, apa yang dilakukan oleh Muhammadiyah tersebut sebenarnya telah mengarah kepada pembentukan mazhab baru. Dengan erti kata sebenarnya Muhammadiyah sedang berlari menghindari dari satu mazhab untuk menuju kepada mazhab yang baru.⁴⁹

Di dalam Muhammadiyah *tajdid* dimaknai sebagai upaya menghidupkan kembali pengamalan al-Qur'an dan Hadis yang telah padam, dan memerintahkan agar orang kembali kepada keduanya. Dengan pemaknaan semacam ini *tajdid* kemudian diperjelas dengan konsep pemurnian ajaran al-Qur'an dan al-Hadis daripada pelbagai unsur luar yang bertentangan dengan ajaran al-Qur'an dan al-Hadis tersebut. *Tajdid* juga berarti meluruskan pemikiran yang dirasakan menyimpang dari *ajaran* Islam, mengajarkan dan mengembangkan ilmu yang bermanfaat bagi umat manusia dan tidak bertentangan dengan al-Qur'an dan al-Hadis serta meningkatkan derajat umat Islam sesuai dengan yang digambarkan al-Qur'an dan al-Hadis.

Oleh itu, maka Muhammadiyah mendefinisikan *tajdid* dengan dua makna operasional, yaitu: (1) purifikasi, yakni pemurnian terhadap hal-hal yang baku dalam agama Islam (*al-thawābit*), seperti keotentikan al-Quran sebagai firman dan petunjuk Allah, keotentikan hadis-hadis yang makbul sebagai sabda dan pengarahan Rasulullah bagi umat, juga masalah akidah, seperti keyakinan bahwa Islam sebagai satu-satunya *dinullah* yang *haqqun mutlaqun*, masalah-masalah ibadah dan akhlak, dan sebahagian permasalahan muamalah. Pemurnian meliputi pemahaman, penghayatan dan pengamalannya; (2) dinamisasi, yakni pengembangan, pembaharuan dan modernisasi dalam masalah-masalah

⁴⁹ M. Mukhsin Jamil dkk (2008), *Nalar Islam Nusantara, studi Islam ala Muhammadiyah*, al-Irsyad, Persis dan NU. Cirebon: Fahmina Institute, Cet: 1, h. 106.

ijtihadiah dan yang dapat berubah secara kondisional (*al-mutaghayyirat*), seperti masalah sistem organisasi, pengembangan model-model pendidikan dan seterusnya. Namun, tetap berada di atas nilai-nilai dan jiwa ajaran Islam, yang bersumber kepada al-Quran dan al-Sunnah.

Dalam konteks kembali pada al-Qur'an dan al-Sunnah, *tajdid* dihubungkan dengan ijtihad. Bagi Muhammadiyah, ijtihad mesti dilakukan dalam upaya menggali ketentuan-ketentuan hukum yang ada secara langsung daripada al-Qur'an dan al-Sunnah. Menurut mereka, ini mesti dilakukan agar keberagaman umat Islam sesuai dengan sumber aslinya, tidak ada perbezaan sedikit pun, sama ada penambahan mahupun pengurangan. Kesesuaian ini hanya akan ada jika ijtihad dilakukan secara langsung. Tidak melalui pintu-pintu mazhab. Dengan sendirinya, hal ini memunculkan gagasan untuk tidak bermazhab.

Kepastian untuk tidak bermazhab juga didorong oleh idealisasi generasi awal, yang mana Muhammadiyah memandang bahawa generasi tersebut merupakan generasi terbaik yang tidak terkotak-kotak oleh perbezaan mazhab, yang sememangnya belum ada mazhab pada masa tersebut. Meski demikian, Muhammadiyah tidak menganggap bahawa mereka anti terhadap mazhab, melainkan hanya tidak bermazhab untuk mendapatkan pangkal pijak yang lebih luas dan lebih asli. Kemestian untuk tidak bermazhab juga didasari oleh keinginan untuk menghindari sengketa mazhab yang sering kali menguras energi umat Islam.⁵⁰

⁵⁰ *Ibid*, h. 85-86.

2. 3. 3. Pandangan Terhadap Pembagian *al-Sunnah*

Al-Sunnah menurut ahli hadis ialah segala yang disandarkan pada Nabi s.a.w. sama ada berupa perkataan, perbuatan mahupun *taqrir* (ketentuan/persetujuan) serta sifat dan kelakuan sama ada sebelum mahupun selepas diangkat menjadi Rasul.

Adapun menurut ahli usul, *al-Sunnah* ialah: segala yang disandarkan pada Nabi s.a.w. sama ada berupa perkataan, perbuatan mahupun *taqrir* yang behubung kait dengan hukum. Inilah yang dijadikan sumber hukum kedua selepas al-Qur'an.⁵¹

Salah seorang tokoh ulama Muhammadiyah, TM, Hasby al-Shiddiqy mendefinisikan amalan Sunnah ialah “jalan yang dijalani dalam hal agama, karena telah biasa dijalani oleh Rasulullah s.a.w. dan generasi salafus solih, sesudahnya⁵².” Pemahaman tersebut sejalan dengan pengertian yang disampaikan oleh Imam al-Syawkānī dalam *Irsyād al-Fuhul*, sebagaimana dikutip oleh Hasbi as-Shiddieqy, iaitu: “Jalan yang tetap kita jalani (telah menjadi tradisi untuk kita jalani), sama ada diridai (disukai) mahupun tidak” Dalam hal ‘*ubudiyah* atau yang bersifat *ta’abbudi*, Muhammadiyah berpendapat bahwa pemeliharaan orisinalitas dan kontinuitas ajaran menjadi prinsip yang harus dipegangi oleh umat Islam. Misalnya sabda Rasul tentang tata cara salat, mansak (manasik) haji dan sebagainya. Sedang *Sunnah* dalam *Muamalah* dan Akhlak, ruang akal pikiran mendapatkan ruang yang cukup, sehingga memungkinkan terjadi perbedaan dan perubahan. Dalam pandangan Muhammadiyah wilayah ini, analisis berdasarkan ‘*illah al-*

⁵¹ Tim PP Muhammadiyah Majlis Tarjih (2003), *Tanya Jawab Agama buku 4*, Jokjakarta: Suara Muhammadiyah, cet: 2, h. 6

⁵² Teungku Muhammad Hasbi as-Shiddieqy (2005), *Kriteria Sunnah Bid'ah*. Semarang: Pustaka Rizki Putra, h. 30

hukm (metode *ta'līlī* dan *qiyas*) sangat diperlukan. Bahkan tidak hanya berlaku pada *Sunnah*, tetapi dalam beberapa hal juga berlaku pada al-Quran. Contohnya *Sunnah* yang melarang menggambar makhluk hidup (bernyawa). Dalam hal ini, Muhammadiyah memandang gambar tersebut perlu dikaji motivasi, materi dan tujuan pembuatan gambar tersebut. Sehingga hukumnya tergantung aspek-aspek tersebut. maknanya boleh jadi hal tersebut haram, boleh jadi juga mubah bahkan boleh menjadi amal ṣalih, yang setidak-tidaknya hukumnya *Sunnah*. Di sini teori *illah* dan *ma'ālahah* diterapkan. Dengan demikian dalam konteks *ubudiyah*, yang dimaksud *Sunnah* adalah sesuatu yang *masyru'* (disyariatkan, diperintahkan), sedangkan dalam konteks mu'amalah dan akhlak, yang dimaksud *Sunnah* adalah segala yang sejalan dengan prinsip dan nilai-nilai kebaikan dan masalah yang semangatnya diajarkan oleh al-Quran dan *al-Sunnah*. Pandangan ini sejalan dengan kandungan Hadis Rasulullah s.a.w. sebagai berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- قَالَ « مَنْ دَعَا إِلَى هُدًى كَانَ لَهُ مِنَ الْأَجْرِ مِثْلُ أُجُورِ مَنْ تَبِعَهُ لَا يَنْقُصُ ذَلِكَ مِنْ أُجُورِهِمْ شَيْئًا وَمَنْ دَعَا إِلَى ضَلَالَةٍ كَانَ عَلَيْهِ مِنَ الْإِثْمِ مِثْلُ آثَامِ مَنْ تَبِعَهُ لَا يَنْقُصُ ذَلِكَ مِنْ آثَامِهِمْ شَيْئًا ».⁵³

Maksudnya:

“Dari Abū Hurayrah radiyallahu ‘anhu, bahwa Rasulullah s.a.w. bersabda; “sesiapa mengajak (berdakwah) kepada petunjuk, maka baginya adalah pahala seperti pahalanya orang yang mengikuti petunjuk itu, tanpa mengurangi sedikitpun pahala mereka, dan barangsiapa yang mengajak kepada kesesatan, maka ia akan mendapatkan dosa sebagaimana dosa orang yang mengikutinya, tanpa mengurangi dosa mereka sedikitpun”

⁵³ Abū Dawūd Sulaimān bin al-‘Asy’ath al-Sajastānī (1978), *Op.cit.*, j. 4, h. 331

عن ابن جرير بن عبد الله عن أبيه قال : قال رسول الله صلى الله عليه و سلم من سن سنة خير فاتبع عليها فله أجره ومث أجور من اتبعه غير منقوص من أجورهم شيئاً ومن سن سنة شر فاتبع عليها كان عليه وزره ومثل أوزار من اتبعه غير منقوص من أوزارهم شيئاً⁵⁴

Maksudnya:

“Dari Jābir bin Abdullah dari ayahnya berkata. Bersabda Rasulullah s.a.w.: “Barangsiapa merintis tradisi yang baik dan diikuti oleh orang lain, maka ia mendapatkan pahala dan pahala orang yang mengikuti kebajikannya tanpa mengurangi pahala mereka sedikitpun, dan barangsiapa yang melakukan perbuatan buruk dan diikuti oleh orang lain, maka ia akan menanggung dosa dan dosa orang yang mengikutinya, tanpa mengurangi dosa orang yang mengikutinya sedikitpun.”

2. 3. 4. Penerapan *al-Sunnah* di Kalangan Muhammadiyah

Sunnah merupakan sumber hukum asasi yang kedua dalam Islam setelah al-Qur’an. Di dalam pemikiran keagamaan, Muhammadiyah hanya berpegang kepada al-Qur’an dan *al-Sunnah* sebagai sumber asasi. Muhammadiyah juga gigih mempertahankan pendapat bahawa pintu ijtihad masih tetap terbuka dan menolak ide tentang taklid, hal ini bukan berarti Muhammadiyah menolak pendapat para imam mazhab, tetapi menganggap bahawa fatwa dan pendapat para Imam mazhab dan ide-ide mereka yang lain merupakan subjek untuk penelitian selanjutnya. Bagi Muhammadiyah, kebenaran dari fatwa, pandangan, dan amalan pada prinsipnya mesti berdasarkan pada al-Qur’an dan *al-Sunnah*.⁵⁵

Muhammadiyah dalam mamahami dan mengamalkan Islam berdasarkan al-Quran dan *Sunnah* Rasul dengan menggunakan akal fikiran sesuai ajaran Islam. Pengertian al-

⁵⁴ Muḥammad bin ‘Īsā Abū ‘Īsā al-Tirmidhī al-Salmī (1395/1975), *Op.cit.*, j. 5, h. 43

⁵⁵ Azyumardi Azra dkk (1990), *Muhammadiyah Kini dan Esok*,h. 42

Quran sebagai sumber ajaran Islam adalah kitab Allah yang diwahyukan kepada nabi Muhammad s.a.w. sedangkan sunnah Rasul adalah sumber ajaran Islam berupa penjelasan dan pelaksanaan ajaran-ajaran al-Quran yang diberikan oleh Nabi Muhammad sebagaimana yang terdapat dalam matan keyakinan dan cita-cita hidup Muhammadiyah butir ke 3.

Bagi Muhammadiyah memahami Islam secara benar sangatlah menentukan beragama secara benar pula. Apabila faham tentang Islam itu tidak benar maka tidak akan benar menangkap hakekat dan citra ajaran Islam secara benar. Sehingga akan berpengaruh terhadap pengamalannya dalam kehidupan secara benar pula. Oleh kerana itu untuk memahami Islam perlu dasar yang kokoh dan benar.

2. 3. 5. Pengertian Bid'ah

Adapun bid'ah menurut mereka ialah bid'ah erat hubungkaitnya dengan taqlid, bahkan dapat dikatakan bahawa kedua hal tersebut bersumber pada kebiasaan *taqlid*, yakni mengikuti pendapat seseorang dalam agama (khususnya aqidah-ibadah) tanpa mengetahui dasar-dasar dalilnya. Djarnawi⁵⁶ mengatakan:

“taqlid ibarat tanah yang amat subur untuk tumbuh dan berkembangnya bid'ah dan khurafat. Sedangkan jiwa yang hidup dan sadar, yang menolak taqlid, dan terus mendalami sumber dan dasar dasar agama secara kokoh akan selalu menolak bid'ah dan khurafat, karena paham Quran dan Sunnah dan paham pula penyimpangan-penyimpangannya, baik dalam aqidah, ibadah, muamalah, maupun akhlak. Jiwa yang hidup, sadar dan cerdas akan ilmu agama (ulūm al-dīn) dan faham akan fungsi agama bagi dirinya, niscaya hanya menghendaki kemurnian iman dan ibadah hanya kepada Allah secara murni, tidak dikotori oleh kepercayaan dan ritual-ibadah

⁵⁶ Djarnawi adalah seorang tokoh pemimpin dan mubaligh Muhammadiyah yang sangat produktif dengan berbagai karya tulis, mulai pelajaran Bahasa Inggris, Kristologi, Kemuhammadiyah, Aqidah, Fiqh serta sejarah para tokoh dan pemimpin Muhammadiyah. Di tingkat pusat ia pernah aktif menjadi Sekretaris PP dan Wakil Ketua PP Muhammadiyah. Djarnawi meletakkan jabatan (dalam arti tidak bersedia dipilih kembali), karena usia senja pada Muktamar Muhammadiyah ke 42, 1990 di Yogyakarta.

buatan manusia sekecil apapun. Ia hanya menghendaki hakekat iman dan cara ibadah yang asli diperintahkan Allah dan dicontohkan oleh Rasul-Nya, mengenai caranya, bacaannya, waktunya, jumlahnya, asli dan murni tidak dikurangi dan tidak pula ditambahi oleh kehendak manusia. Tambahan dalam hal ibadah disebut bid'ah, sedangkan tambahan dalam kepercayaan disebut bid'ah i'tiqad atau khurafat⁵⁷”.

Munculnya bid'ah dan khurafat memang sangat beragam sebabnya, di antaranya ialah sebab kebodohan dalam ilmu agama, perasaan kurang puas terhadap syariat agama, kepentingan politik dan sebagainya. Bid'ah secara lughawi berasal dari kata bada'a yakni membuat sesuatu yang baru yang belum ada contoh sebelumnya. Adapun secara terminologis,

“Bid'ah ialah: “suatu cara baru dalam agama yang diadadakan untuk menandingi syari'ah, yang dimaksudkan dengan mengerjakannya untuk membuat nilai lebih dalam ibadah kepada Allah”⁵⁸.

Definisi di atas menurut pendapat yang tidak memasukkan adat-istiadat ke dalam makna bid'ah, hanya mengkhususkan kepada masalah ibadah.

Ketegasan Muhammadiyah, bahwa sumber ajaran Islam hanyalah al-Quran dan *al-Sunnah* adalah kesadaran yang dibangun oleh para perintis Muhammadiyah untuk menegakkan Islam Murni yang bebas dari daki-daki taqlid, takhayul, bid'ah dan khurafat sebagaimana dijelaskan di atas. Hanya sahaja dalam keputusan-keputusan ulamak Tarjih Muhammadiyah menggunakan istilah *ghayr masyrū'*, untuk memperhalus istilah bid'ah. Ini

⁵⁷Djarnawi Hadikusuma (1995), *Ahlussunnah wal Jamaah, Bid'ah dan Khurafat*.Yogyakarta: PP Muhammadiyah, h. 18

⁵⁸ Abū Ishaq Ibrāhīm bin Mūsā al-Gharnāṭī al-Syāṭibī (2001). *Op. Cit*, h. 7

dapat ditemukan dalam putusan Tarjih tentang bid'ahnya qunut dalam solat Subuh dan Solat witir pada bulan Ramadhan pada hari keenam belas ke atas.⁵⁹

Guru besar Program Pascasarjana Universitas Islam Madinah bidang Usuluddin dan Dakwah, 'Alī bin Muḥammad Nāsir al-Fiqhī, menyebutkan bahaya bid'ah apabila tidak dibanteras, di antaranya: (a) membuat pelakunya untuk meninggalkan hukum-hukum agama. (b) menimbulkan perpecahan di kalangan umat, (c) benih-benih terjadinya kekafiran, (d) pelaku bid'ah hanya mengikuti hawa nafsunya sendiri.

Oleh kerana itu beliau mengajak umat ini untuk memperkuat komitmen dan memperluas ilmu agama yang bersumber kepada al- Quran dan *al-Sunnah* sebagaimana dikembangkan oleh generasi awal Islam, generasi al-salafu al-salih, menghindari *ta'aṣṣub* yang berlebihan. Namun, terbuka untuk menerima koreksi demi tegaknya risalah al-Quran dan *al-Sunnah*.⁶⁰

⁵⁹Lihat Keputusan Muktamar Tarjih Muhammadiyah XXII, 1989 di Malang, bidang ibadah khusus, kajian masalah Qunut Witir, Shalat Id pada hari Jumat, dan Azan Subuh.

⁶⁰'Alī bin Muḥammad bin Nāsir al- Fiqhī (t.t). *Al-Bid'ah Ḍawabituhā wa Atharuhā al-Sayyi' fī al-Ummah*, Madinah:al-Jami'ah al-Islamiyyah, h. 7-31